



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



### *Adding years of healthy life*



A member of the NUHS



A member of the NUHS



EASTERN  
HEALTH  
ALLIANCE



Jurong Health



SINGHEALTH / PIL / M67R0

## MENGENAI ubat anda

Amantadine, Benhexol, Entacapone dan Selegiline digunakan secara persendirian atau digabung dengan ubat-ubat yang lain (seperti sediaan Levodopa) dalam rawatan penyakit Parkinson. Ubat-ubat ini digunakan untuk mengurangkan kesan-kesan penyakit Parkinson dengan cara meningkatkan pengawalan otot serta mengurangkan kekejangan otot.

## BAGAIMANAKAH cara saya mengambil ubat ini?

Ubat-ubat ini biasanya diambil dengan makanan. Bagi Amantadine dan Selegiline, anda mungkin perlu ambil dos terakhir untuk hari tersebut pada awal petang atau sekurang-kurangnya beberapa jam sebelum tidur sekiranya anda mengalami masalah sukar tidur.

## Apa yang patut dibuat jika saya TERLUPA makan satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda teringat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut untuk mengambil ubat, dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk mendapatkan nasihat doktor tentang apa yang patut anda buat.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Sila bincang dengan doktor anda sekiranya anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang tidak reda atau masih berlarutan.

### Amantadine

- Sistem Gastrostus: mual, cirit-birit atau sembelit, kekeringan mulut, kehilangan selera makan
- Sistem Kardiovaskular: tekanan darah rendah, tangan, kaki atau bahagian bawah kaki Bengkok
- Sistem Saraf Pusat: pening, sakit kepala, masalah tidur, mimpi dasyat, perubahan perasaan dan fikiran
- Kulit: ruam yang kelihatan seperti jaring
- Sistem Pernafasan: kekeringan hidung

### Benzhexol

- Sistem Gastrostus: sembelit, kekeringan mulut dan kerongkong
- Sistem Pernafasan: kekeringan hidung
- Kulit: kekeringan kulit

### Entacapone

- Sistem Gastrostus: mual, cirit-birit atau sembelit, sakit perut
- Saraf otot dan tulang: pergerakan otot yang luar biasa
- Sistem Saraf Pusat: pening, letih, halusinasi
- Sistem saluran kencing: air kencing berwarna gelap

### Selegiline

- Sistem Gastrostus: sakit perut, kekeringan mulut, rasa mual
- Sistem saraf dan otot: pergerakan otot yang luar biasa
- Sistem saraf pusat: perubahan perasaan atau fikiran, pening, masalah untuk tidur

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Perasaan pening atau pitam mungkin berlaku, terutamanya apabila bangun daripada posisi duduk atau baring. Bangun dengan perlahan-lahan boleh mencegah kesan sampingan ini daripada berlaku. Periksa dengan doktor anda jika keadaan ini berterusan atau bertambah buruk.

Sesetengah pesakit mungkin berasa mengantuk, pening atau kekaburuan penglihatan. Jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda sudah mengetahui kesan ubat terhadap anda.

Jangan melakukan aktiviti-aktiviti fizikal yang berlebihan walaupun keadaan anda sudah bertambah baik untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko mengalami kecederaan akibat terjatuh (Ubat-ubat Parkinson mungkin menyebabkan pesakit mudah terjatuh). Mulakan aktiviti-aktiviti secara beransur-ansur supaya badan anda boleh menyesuaikan diri dengan perubahan keseimbangan dan penyelarasian.

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan kekeringan mulut. Pesakit boleh cuba menghisap gula-gula tanpa gula atau cebisan ais untuk melegakan kesan sampingan buat sementara waktu. Pastikan anda minum air yang mencukupi.

Pesakit yang mengambil Benhexol mungkin akan kurang berpeluh berbanding dengan keadaan biasa serta boleh mengalami "kepanasan badan yang melampau" semasa latihan atau semasa cuaca panas. Sila ambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan daripada kepanasan badan yang melampau.

### Interaksi dengan ubat-ubat atau makanan:

Pengambilan Amantadine, Benhexol atau Entacapone dengan alkohol atau ubat-ubat yang boleh melambatkan sistem saraf mungkin meningkatkan kemungkinan berlakunya perasaan mengantuk, kepeningan, kekeliruan dan pitam.

Pesakit yang mengambil Selegiline dalam dos yang tinggi (lebih daripada 10 mg sehari) patut mengelakkan pengambilan makanan yang mempunyai kandungan tiramin yang tinggi. Biasanya tiramin boleh dijumpai di makanan yang sudah lama disimpan atau ditapai (seperti keju, daging salai atau jeruk, buah-buahan yang terlampau masak). Makanan yang mengandungi alkohol atau kafein (kopi, teh, kola atau coklat) patut dielakkan juga. Pengambilan Selegiline bersama-sama dengan makanan tersebut mungkin meningkatkan tekanan darah dan mengakibatkan kesakitan dada, sakit kepala, rasa mual dan muntah. Jumpa doktor dengan segera sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti ini.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum memulakan pengambilan sebarang ubat-ubat lain atau jika anda sudah mengambil sesetengah ubat-ubat lain seperti sediaan ubat jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin, kerana interaksi ubat mungkin berlaku.

Jangan hentikan pengambilan ubat secara mendadak kerana ini mungkin menyebabkan kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

Anda mesti memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika terdapatnya alahan terhadap sebarang ubat atau sekiranya berlakunya alahan semasa pengambilan ubat ini. Simptom-simptom alahan ubat termasuk salah satu daripada simptom-simptom berikut: kebengkakan muka/mata/bibir, susah bernafas atau kegatalan kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui bayi, hamil, atau mungkin akan hamil semasa menerima rawatan dengan ubat ini.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan sinaran matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk berbuat demikian.